

# PM, Dr M tak perlu pengkhianat parti

**A**PABILA Tun Dr Mahathir Mohamad bersetuju untuk berjumpa Datuk Seri Abdul-lah Ahmad Badawi, ia adalah berita yang menggembirakan orang Melayu dan Umno. Kenyataan yang dibuat Dr Mahathir di Langkawi sesungguhnya suatu yang amat dinantikan pencinta kedamaian dan perpaduan Melayu.

Perdana Menteri pula memberikan reaksi riang dan dengan nada gembira. Ditambah pula perjumpaan itu akan hanya dihadiri mereka berdua dan tiada pihak ketiga. Mengikut rancangan pertemuan berkenaan akan berlaku sebelum Aidilfitri.

Adalah menghairankan masih ada golongan cuba menangguk di air keruh dan seperti tidak 'rela' pertemuan itu diadakan. Masih ada kumpulan meragui pertemuan berkenaan, malah ada pemimpin pembangkang Melayu seperti sudah tahu hasil pertemuan itu sedangkan ia belum berlaku.

Nada pemimpin pembangkang berkenaan seolah-olah mereka ahli Umno dengan menyatakan pertemuan itu nanti belum tentu menyelesaikan konflik dan meragui keikhlasan Dr Mahathir. Apakah Pas kecewa perjumpaan antara dua tokoh berkenaan akan mengurangkan modal dan idea membangkang mereka?

Semua sedia maklum lidah media Pas seperti akhbar dan laman web *Harakah* kebelakangan ini begitu menonjolkan pemberitaan menyokong Dr Mahathir seolah-olah Dr Mahathir adalah pemimpin parti mereka.

Kesempatan sebegini sememangnya menjadi tradisi Pas sejak dulu. Ketika Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri, merekalah paling aktif mengutuk negarawan berkenaan.

Sungguh hairan sikap orang Melayu sebegini. Umum mengetahui di kalangan ahli Umno sendiri ada yang memihak kepada Dr Mahathir menerusi beberapa laman web yang dikendalikan pihak pro-Dr Mahathir.

Tidak salah untuk menyokong pendirian politik dan pendapat sesiapa pun. Tetapi wajarkah memperalatkan nama Umno untuk mengutuk pemimpin Umno sendiri? Tidak salah jika ingin memberikan kritikan dan pendapat yang membina untuk menegur pemimpin tertentu. Adakah wajar jika sepanjang masa mengutuk pemimpin parti sehingga lebih dahsyat daripada pembangkang?

Mengapakah golongan ini seperti tidak sukakan perpaduan dan adakah mereka gemar melihat perselisihan pendapat di antara Perdana Menteri dan negarawan ulung negara itu? Apakah motif sebenar mereka? Apakah mereka ini daripada golongan yang tidak bersyukur dan asyik menempelak sesiapa saja yang menjadi pemimpin Umno? Atau me-

reka ini golongan kecewa yang tidak mendapat tempat dalam Umno?

Laman web mereka ini menggunakan lambang Umno dan mereka juga mendakwa ahli Umno. Tetapi, jika diperhatikan keseluruhan artikel di dalam laman web berkenaan seolah-olah tiada satu pun perkara yang baik dilakukan oleh Pak Lah.

Apakah mereka ini penentang Umno yang bertopeng sebagai ahli Umno dengan penampilan imej dan lambang Umno di laman web mereka?

Beberapa hari ini jelas menunjukkan golongan ini mula resah apabila Dr Mahathir bersetuju mengadakan pertemuan dengan Presiden Umno. Apakah keresahan mereka kerana selepas ini sudah tiada modal untuk berbicara di laman web mereka?

Serangan melalui internet ini mendapat sambutan pengunjung dan pelayar internet. Apakah golongan seperti ini boleh dilabelkan sebagai pengkhianat parti kerana lebih gemar melihat pemimpin dan bekas pemimpin Umno bersengketa?

Jauh sekali untuk memberi pandangan ke arah perpaduan dan kekuatan dalaman parti sendiri. Belumpun lagi pertemuan itu diadakan, golongan ini sudah mempunyai teori dan andaian mereka sendiri yang menjangkakan pertemuan itu akan menemui kegagalan.

Gelagat mereka seperti mereka pula yang terbabit di dalam konflik antara Pak Lah dan Dr Mahathir. Malah, dipersendakan pula tindakan kumpulan yang menganjurkan pertemuan itu sehingga mereka melabelkan kumpulan penganjur ini sebagai pembodek politik?

Celupar sungguh kata-kata golongan ini sehingga menggalakkan perselisihan pendapat antara dua tokoh ini biarlah jangan ada penyelesaian. Sikap golongan sebegini amat menyedihkan kita sebagai orang Melayu. Mereka meracuni fikiran orang Melayu dan menggalakkan ketidakstabilan politik Umno supaya mereka terus 'bernyawa' dengan sebaran propaganda politik murahan menerusi internet.

Apakah pihak tertinggi Umno tidak menyedari hal begini dan tidak bolehkah dikenakan tindakan? Saya rasa tindakan boleh diambil kerana mereka menggunakan lambang, bendera dan nama Umno sebagai pengenalan utama laman web mereka.

Janganlah menggunakan Umno sebagai platform menarik pengunjung ke laman web mereka. Jika benar mereka ikhlas berbicara hal politik mengapa tidak menggunakan imej sendiri tanpa bertopengkan Umno?

**SHAIFUL BAHRI SAIDIN,**  
*Taman Harmoni, Sekinchan.*